


PANDUAN MENJAWAB RUMUSAN



SUBJEK: BAHASA MELAYU SPM

PANDUAN UMUM RUMUSAN

- Baca dan teliti semua bahan yang diberikan.
- Bahan rumusan terdiri daripada DUA atau TIGA bahan daripada sumber yang berbeza tetapi mempunyai tema yang SAMA.
- Buat analisis bahan. Kenal pasti TEMA dan FOKUS (tidak dinyatakan dalam arahan soalan).

TEMA:	bahasa kebangsaan
FOKUS 1:	cabaran memartabatkan bahasa kebangsaan
FOKUS 2:	usaha memartabatkan bahasa kebangsaan
FOKUS 3:	-

FOKUS	PERKATAAN
usaha/langkah/cara (siapa buat apa) – kata kerja	<ul style="list-style-type: none"> • perlulah/hendaklah + tindakan • sewajarnya • sepatutnya
manfaat/faedah/ kebaikan (apa kita dapat)	<ul style="list-style-type: none"> • dapat + kesan positif • boleh • berupaya
punca/faktor/sebab (apa sebabkan sesuatu)	<ul style="list-style-type: none"> • berpunca daripada • disebabkan/didorong oleh
kesan/impak/implikasi (apa akan jadi)	<ul style="list-style-type: none"> • menyebabkan/menjadikan • natijahnya

PANDUAN MENYUSUN ISI PENTING

- Calon perlu mengemukakan 8 isi penting.
- Isi WAJIB diambil daripada SETIAP BAHAN dan merangkumi SEMUA FOKUS.
- Jika terdapat penanda wacana (di samping itu/ selain itu / tambahan lagi), kebiasaannya ayat tersebut merupakan isi penting.
- Untuk menyusun isi penting, gunakan Jadual Bahan - Fokus seperti berikut:

Bahan	Fokus	Fokus 1: Cabaran	Fokus 2: Usaha
Bahan 1: Petikan		2	3
Bahan 2: Grafik		1	1
Bahan 3: Puisi			1

- Bilangan kotak adalah bergantung kepada bilangan bahan dan fokus.
- Semak setiap kotak. Kotak perlu dilorekkan bagi fokus yang TIADA dalam bahan.
- Letakkan bilangan isi yang ingin diambil dalam setiap kotak. Untuk Bahan 2 dan Bahan 3, memadai ambil 1 atau 2 isi sahaja. Baki isi perlu diambil daripada Bahan 1: Petikan.

PANDUAN MENULIS RUMUSAN LENGKAP

PERENGGAN 1: PENDAHULUAN

- Satu ayat sahaja.
- Masukkan semua fokus yang terdapat dalam bahan.

2 FOKUS:	Rumusan membincangkan cabaran-cabaran untuk memartabatkan bahasa kebangsaan dan usaha-usaha memartabatkan bahasa kebangsaan.
3 FOKUS:	Rumusan membincangkan punca kemurungan, kesan kemurungan dan langkah mengatasi kemurungan.

PERENGGAN 2: ISI FOKUS 1

PERENGGAN 3: ISI FOKUS 2

- Rujuk Jadual Bahan – Fokus. Jadual dibaca dari atas ke bawah, mengikut fokus. Semua isi penting bagi fokus yang sama ditulis dalam satu perenggan.

Bahan	Fokus	Fokus 1: Cabaran	Fokus 2: Usaha
Bahan 1: Petikan		2	3
Bahan 2: Grafik		1	1
Bahan 3: Puisi			1

- Isi diasingkan mengikut fokus. 1 fokus = 1 perenggan.
- Calon digalakkan menggabungkan 2 isi dalam satu ayat. Huraian & contoh tidak perlu ditulis.
- Gunakan penanda wacana.
Cabaran-cabaran untuk memartabatkan bahasa kebangsaan ialah dan Seterusnya,
- Usaha-usaha memartabatkan bahasa kebangsaan ialah dan Di samping itu, dan Seterusnya,
- Jika ada fokus 3, tambah satu perenggan lagi.

PERENGGAN 4@5: KESIMPULAN

- Satu ayat sahaja.
- TEMA mesti dimasukkan pada bahagian kesimpulan. Tidak perlu memasukkan ORANG atau PIHAK pada bahagian cadangan.

	Tema	Cadangan tindakan	Kata Hubung	Tujuan tindakan
Kesimpulannya,	bahasa kebangsaan	perlulah dimartabatkan	agar/supaya	kedudukannya terus terpelihara.

- Kira dan tulis patah perkataan pada akhir rumusan.

- Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - kata nama khas (SMK Pulau Indah)
 - kata ganda (murid-murid)
 - tarikh (20 Disember 2023)
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan (20, dua puluh)
 - gelaran (Profesor Datuk Dr. Siva Subramaniam)
 - penanda wacana (Selain itu, Di samping itu)
- Kata sendi nama 'di & ke' tidak dikira.
- Pastikan jumlah rumusan anda tidak melebihi **120 patah perkataan**.

CONTOH RUMUSAN LENGKAP

Rumusan membincangkan cabaran-cabaran untuk memartabatkan bahasa kebangsaan dan usaha-usaha memartabatkan bahasa kebangsaan.

Cabaran-cabaran untuk memartabatkan bahasa kebangsaan ialah masih segelintir rakyat Malaysia yang malu untuk bertutur dalam bahasa Melayu **dan** masih terdapat ahli masyarakat yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu. **Selain itu**, terdapat banyak kesalahan bahasa pada papan iklan.

Usaha-usaha memartabatkan bahasa kebangsaan ialah pelbagai pihak perlu mengadakan aktiviti bahasa Melayu yang menarik **dan** Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan Unit Khas Pelaksanaan Bahasa. **Di samping itu**, kerajaan perlu melaksanakan pelbagai bentuk kempen kesedaran **dan** Pihak Berkuasa Tempatan menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu yang betul pada papan iklan. **Seterusnya**, melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan.

Kesimpulannya, bahasa kebangsaan perlulah dimartabatkan **agar** kedudukannya terus terpelihara.

(99 patah perkataan)



BAHAN 1: PETIKAN

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa dan bahasa yang sangat rencam berbanding dengan negara lain. Namun demikian, perlembagaan negara kita telah menggariskan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir rakyat Malaysia yang malu untuk bertutur dalam bahasa Melayu kerana mereka beranggapan bahawa penggunaan bahasa Melayu akan menjejaskan status sosial mereka.

Dalam usaha memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan ini, pelbagai pihak perlu mengadakan aktiviti bahasa Melayu yang menarik seperti pertandingan pementasan teater, mendeklamasikan sajak dan pertandingan nyanyian. Namun, masih terdapat ahli masyarakat yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu. Oleh sebab itu, bahasa rasmi negara kita dipandang sepi. Dalam hal ini, pihak kerajaan, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan Unit Khas Pelaksanaan Bahasa bagi memastikan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan santun dalam kalangan masyarakat.

Lambakan penggunaan bahasa slanga dan bahasa yang tidak gramatis dalam laman media sosial turut menjadi cabaran untuk memartabatkan bahasa kebangsaan kita. Andai bukan kita sebagai rakyat Malaysia yang mahu memartabatkan bahasa kebangsaan, siapakah lagi yang akan berbuat demikian? Usaha memperkasakan bahasa kebangsaan tidak dapat dilaksanakan tanpa sokongan daripada semua pihak. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu melaksanakan pelbagai bentuk kempen kesedaran yang mengajak rakyat menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Kempen ini mestilah melibatkan semua agensi kerajaan dan swasta. Selain kempen, penulisan bahan bacaan pilihan remaja seperti novel dan komik turut berkesan sebagai wahana yang ampuh dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu. Para penulis hendaklah menghasilkan karya yang menjurus ke arah penggunaan bahasa kebangsaan yang gramatis. Tuntasnya, pengemblem tenaga semua pihak penting untuk memastikan bahasa Melayu terus diperkasakan kerana bahasa jiwa bangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Bahasa Dijulang, Bangsa Gemilang' oleh Raja Nur Amirah Tuan Ismail *Dewan Bahasa, Bil. 2/2018*

BAHAN 2: GRAFIK



**BAHAN 3: PUISI
MEKAR BAHASAKU**

Di hujung desa mengharum mawar,
 Buat hiasan di dalam dulang;
 Bulan Bahasa Kebangsaan dilancar,
 Moga kedaulatan tinggi dijulung.

Tumbuh bunga pohonnya segar,
 Penuh setaman di tanah Riau;
 Moga bahasa kembali mekar,
 Jadi sebutan segenap rantau.

Kembang melati indah setaman,
 Putih warnanya tambah berseri;
 Jasa bakti sepanjang zaman,
 Tokoh bahasa dikenang dihargai.